

Harga bahan asas binaan meningkat pada April 2025

Harga bahan asas pembinaan utama di Malaysia terus merekodkan corak kenaikan pada April 2026, sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan purata harga besi di pasaran yang kini merekodkan nilai RM3,504.20 bagi setiap tan.

Laporan berkaitan angka terbaharu berkenaan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerusi Siaran Khas Untuk Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan dan Struktur, April 2026.

Data rasmi ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih mengikut kategori bangunan berserta pembahagian kawasan.

Memperincikan lonjakan berkenaan, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* didapati meningkat sebanyak 2.3 peratus.

Jumlah purata nilai RM3,504.20 bagi setiap tan itu adalah lebih tinggi berbanding RM3,426.80 per tan yang direkodkan pada bulan Mac 2026.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin mengesahkan bahawa indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan bulanan pada April 2026, iaitu antara 0.1 peratus sehingga 6.1 peratus berbanding bulan sebelumnya.

“Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Perak (6.1 peratus), diikuti dengan Johor (2.7 peratus) dan Selangor, Kuala

Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.4 peratus),” jelas beliau di dalam satu kenyataan.

Bagi harga seunit pasir pula, indeks berkenaan menunjukkan peningkatan ketara bulan ke bulan antara 0.4 peratus sehingga 14.5 peratus pada bulan yang sama.

Mengikut pecahan geografi, peningkatan bulanan tertinggi bagi bahan asas ini telah direkodkan di Terengganu dan Kelantan iaitu pada 14.5 peratus, diikuti dengan Pahang pada 14.4 peratus dan Miri pada 14.1 peratus.

Meneliti trend perbandingan tahunan untuk tempoh April 2025 dan April 2026, indeks harga seunit pasir merekodkan peningkatan antara 2.8 peratus hingga 18.6 peratus di kebanyakan kawasan tinjauan.

Peningkatan tahunan tertinggi bagi indeks harga seunit pasir telah dicatatkan di Miri dengan kadar lonjakan 18.6 peratus, disusuli oleh Pulau Pinang, Kedah dan Perlis serta Terengganu dan Kelantan masing-masing pada kadar 16 peratus.

Komponen pembinaan penting yang lain, iaitu purata harga bagi simen *Ordinary Portland* juga merekodkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus. Kadar purata harga jualan bahan berkenaan kini mencecah RM25.90 per 50 kilogram sekarung, meningkat perlahan berbanding RM25.55 per 50 kilogram sekarung yang didaftarkan pada Mac 2026.